

SPEKIFIKASI STANDARD SENGKUANG

1. SKOP

Spesifikasi standard ini adalah untuk Sengkuang atau nama botaninya *Pachyrhizus Erosus* (L) Urban dari keluarga Leguminosae yang dipasarkan untuk kegunaan segar. Ia juga dikenali sebagai Bengkuang di pasaran tempatan.

2. DEFINISI TERMA

Bagi tujuan spesifikasi ini, terma-terma yang digunakan akan bermaksud

2.1. **Kematangan** - Terdiri daripada tiga (3) indeks seperti berikut:

2.1.1. **Indeks 1**: Sengkuang berbentuk bujur, berakar halus dan permukaan kulit licin. Isi berwarna putih, berserat halus dan berjus. Belum matang.

2.1.2. **Indeks 2**: Sengkuang berbentuk bebawang dan permukaan kulit sedikit mengelupas. Isi berwarna putih, berserat kasar dan berjus. Matang.

2.1.3. **Indeks 3**: Sengkuang berbentuk bebawang dan permukaan kulit, menggerutu dan mengelupas. Isi berwarna putih kekuningan, berserat kasar dan kurang berjus. Lebih matang.

2.2. **Kematangan Seragam** - Konsainan dianggap seragam apabila mempunyai satu indeks atau gabungan indeks 2 dan 3 sahaja dalam satu pembungkusan.

2.3. **Segar** - Bahagian tampuk masih utuh dan tidak merekah.

2.4. **Perapian** - Membuang bahagian batang serta akar dan meninggalkan tidak lebih daripada 6 cm bahagian tersebut.

2.5. **Bersih** - Bebas daripada kesan kotoran dan benda asing.

- 2.6. **Kecacatan** - Mempunyai tanda-tanda yang menjejaskan persembahan seperti kotor, cacat dan cacat rupa.
- 2.6.1. **Kotor** - Terdapat kesan-kesan yang tidak dibersihkan seperti tanah dan lain-lain benda asing.
- 2.6.2. **Cacat bentuk** - Buah berbentuk tidak normal seperti berbonggol, melekuk dan gegenting bagi varieti berkenaan.
- 2.6.3. **Cacat rupa** - Mempunyai tanda-tanda yang mencacatkan rupa luaran seperti parut dan kesan-kesan lain yang tidak boleh dibersihkan tetapi tidak menjejaskan isi buah. Kesan ini meliputi lebih 10% pada permukaan kulit.
- 2.7. **Rosak** - Sebarang kecederaan atau kecacatan disebabkan oleh kesan mekanikal, perosak dan penyakit yang menjejaskan rupa keseluruhan, kualiti dan tempoh simpan.
- 2.7.1. Kecederaan semasa pengendalian seperti pecah dan luka.
- 2.7.2. Kesan gigitan atau lubang disebabkan oleh makhluk perosak.
- 2.7.3. Kesan jangkitan penyakit seperti busuk, reput dan berkulat.

3. **KEPERLUAN MINIMUM**

- 3.1. Telah mencapai tahap kematangan yang dikehendaki oleh pasaran. (Indeks 2 dan 3)
- 3.2. Agak bebas daripada rosak disebabkan oleh kecederaan mekanikal, perosak atau penyakit.
- 3.3. Agak bebas daripada kecacatan dan sesuai untuk dimakan oleh manusia.
- 3.4. Telah dibuat perapian dengan sempurna.

4. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

4.1. Sengkuang dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:

GRED	SPEKIFIKASI	KELONGGARAN (Maksimum)	(%)
Premium	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	≤ 5 ≤ 5 ≤ 3 ≤ 5 ≤ 5
1	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah agak bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	≤ 10 ≤ 5 ≤ 5 ≤ 5 ≤ 10
2	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah agak bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	≤ 10 ≤ 10 ≤ 5 ≤ 10 ≤ 10

4.2. Bagi Sengkuang, saiz ditentukan oleh berat dalam unit gram (g) seperti mana jadual berikut:

SAIZ	KOD		BERAT (gram)
Besar	L	A	>750
Sedang	M	B	501 - 750
Kecil	S	C	400 - 500

5. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

5.1. Pembungkusan

- 5.1.1. Sengkuang daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.2. Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.3. Bahan yang digunakan untuk membungkus hendaklah bebas daripada bahan kimia
- 5.1.4. Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30kg.

5.2. Pelabelan

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.2.1. Tarikh
- 5.2.2. Nama/Kod Penanam
- 5.2.3. Nama/Kod Pengeksport
- 5.2.4. No. Kad Pengenalan
- 5.2.5. No. Pendaftaran Syarikat
- 5.2.6. Alamat
- 5.2.7. Komoditi
- 5.2.8. Berat bersih
- 5.2.9. Gred

6. PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 78 "*Method Of Sampling Fresh Fruits*" atau kaedah statistik yang dipersetujui.